



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

PERMOHONAN KE PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA POLITEKNIK BAGI SESI AKADEMIK I 2025/2026 KINI DIBUKA

1. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) ingin memaklumkan bahawa permohonan kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda (ISM) Politeknik kini dibuka. Permohonan boleh dibuat melalui pautan <http://ambilan.mypolycc.edu.my> mulai **4 Jun 2025 hingga 4 Julai 2025**. Pembelian nombor PIN tidak diperlukan.
2. Pelawaan ini adalah bagi penawaran **12 program ijazah sarjana muda** yang melibatkan **sepuluh (10) program sedia ada** dan **dua (2) program baharu** bagi sesi Akademik I 2025/2026. Senarai program tersebut adalah seperti berikut:
 - I. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam dengan Kepujian
 - II. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Rangkaian Bekalan) dengan Kepujian
 - III. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
 - IV. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Marin dengan Kepujian
 - V. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Senibina dengan Kepujian
 - VI. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Automotif) dengan Kepujian
 - VII. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik Perubatan dengan Kepujian
 - VIII. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan Kepujian
 - IX. Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Media Baharu dengan Kepujian
 - X. Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti dengan Kepujian – PIS

Program Baharu:

 - XI. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian
 - XII. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
3. Program ijazah sarjana muda ini ditawarkan di empat (4) buah Politeknik iaitu Politeknik Ungku Omar (PUO), Ipoh, Perak, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Pasir Gudang, Johor dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Tanjong Malim, Perak. Pelawaan tawaran ini dibuka kepada Lulusan **Diploma/Diploma Lanjutan Politeknik**. Pelajar semester akhir Diploma Politeknik (Sesi II: 2024/2025 tamat latihan industri) juga layak memohon.

Selaras dengan agenda peluasan akses Pelan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2035 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jabatan ini turut mempelawa calon-calon daripada lepasan berikut untuk membuat permohonan:

- I. Lepasn **Diploma Kolej Komuniti**. Pelajar semester akhir Diploma Kolej Komuniti (Sesi II: 2024/2025 tamat latihan industri) juga layak memohon
 - II. Lepasn program **Asasi TVET Politeknik**
 - III. Lepasn program **Asasi Sains/ Sains Fizikal/ Kejuruteraan** daripada Universiti Awam
 - IV. Lepasn **Kolej Matrikulasi KPM jurusan Sains/ Kejuruteraan**
 - V. Lepasn **Diploma Kejuruteraan/ Teknologi Kejuruteraan/ Teknologi** daripada **IPTA/ IPTS**
 - VI. Lepasn **Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) / Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)**
 - VII. Pemilik **Sijil Apel.A T-6**
4. Berikut adalah tarikh-tarikh penting berkaitan kemasukan dan pendaftaran pelajar program ijazah sarjana muda:
- I. Tarikh semakan temuduga : 11 Julai 2025
 - II. Tarikh sesi temuduga : 21 – 25 Julai 2025
 - III. Tarikh hebahan tawaran : 29 Ogos 2025
 - IV. Tarikh pendaftaran pelajar : 29 September 2025
5. Permohonan bagi **lepasn Diploma Kejuruteraan / Teknologi Kejuruteraan / Teknologi daripada IPTA / IPTS, lepasn Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) / Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan pemilik Sijil Apel.A T-6** boleh dibuat mulai **11 Jun 2025 jam 5.00 petang** sehingga **4 Julai 2025 jam 12.00 tengah hari**.
6. Maklumat lanjut berkenaan senarai program, kaedah permohonan dan syarat kelayakan boleh diperolehi dengan melayari pautan <http://ambilan.mypolycc.edu.my>. Sebarang pertanyaan, sila hubungi di alamat berikut:-

**BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR,
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI,
ARAS 6, GALERIA PJH, JALAN P4W, PERSIARAN PERDANA,
62100 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**

No. Tel	:	03-88883837
No. Whatsapp	:	03-88885625
Emel	:	jppkk.ambilan@mohe.gov.my
Facebook	:	polycc Edu
Instagram	:	polycc.edu_

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
4 JUN 2025**